

## **ALI SYARIATI: PEMIKIRAN DAN GAGASANNYA TENTANG KONSEP RAUSYANFIKIR**

*Ali Syariati: His thoughts and Ideas about the Concept of Rausyanfikir*

**NORFARAHANI BINTI ROSMAN<sup>1</sup>**  
**MOHD SHAUKHI BIN MOHD RADZI<sup>2</sup>**

<sup>1&2</sup>Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah

E-mel: norfarahani94@gmail.com; shaukhi@ums.edu.my

Tarikh Dihantar: Oktober 2020 / Tarikh Diterima: November 2020

### **Abstrak**

*Rausyanfikir* adalah refleksi daripada golongan intelektual berkenaan peranan dan tanggungjawab seorang intelektual. Konsep ini adalah berdasarkan tiga aspek, iaitu intelektualisme, ideologi dan idealisme. Konsep intelektualisme menjelaskan perbezaan antara istilah ‘intelektual’ dan ulama untuk mentakrifkan semula fungsi dan peranan intelektual. Aspek ideologi pula ialah seorang *rausyanfikir* perlu mengembalikan semula semangat Islam menerusi kaedah hermeneutik terhadap syarat ibadah, al-Quran dan hadis. Sementara konsep idealisme ialah seorang *rausyanfikir* perlu berfikiran ‘manusia ideal’, iaitu yakin dengan ilmu pengetahuan serta kemampuan diri dan masyarakatnya. *Rausyanfikir* adalah konsep yang sering dibincangkan oleh Ali Syariati dalam setiap karya dan kuliah. Objektif makalah ini adalah untuk membincangkan pemikiran Ali Syariati berkenaan kepentingan intelektual dan pengaruhnya dalam pemikiran golongan belia sebelum Revolusi Iran 1978. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dengan merujuk kepada sumber sekunder seperti buku dan jurnal. Penulisan makalah ini mendapat bahawa konsep *rausyanfikir* dalam pemikiran Ali Syariati mempunyai banyak kaitan dengan penjelmaan seorang intelektual yang menyedari isu-isu yang dihadapi oleh masyarakatnya tetapi pada masa yang sama tidak menafikan ajaran Islam dalam kehidupanya.

**Kata kunci:** Ali Syariati, sejarah pemikiran, *Rausyanfikir*, Islam.

### **Abstract**

*Rausyanfikir* is a reflection from the intellectuals on the role and responsibilities of an intellectual. This concept is based on three aspects, namely intellectualism, ideology and idealism. The concept of intellectualism explains the difference between the terms ‘intellectual’ and scholarly to redefine the function and role of intellectuals. The ideological aspect is that a *rausyanfikir* needs to restore the spirit of Islam through hermeneutic methods on the conditions of ibadah,

*al-Quran and hadith. While the concept of idealism is a rausyanfikir need to think ‘ideal man’ that is confident in the knowledge and ability of himself and his society. Rausyanfikir is a concept that is often discussed by Ali Syariati in every work and lecture. The objective of this paper is to discuss Ali Syariati’s thoughts on intellectual importance and his influence in the thinking of youths before the 1978 Iranian Revolution. This study uses the library method with reference to secondary sources such as books and journals. The finding of this paper is that the concept of rausyanfikir in the mind of Ali Syariati has a lot to do with the incarnation of an intellectual who is aware of the issues faced by his society but at the same time does not deny the teachings of Islam in his life.*

**Keywords:** Ali Syariati, history of thoughts, Rausyanfikir, Islam.

## PENDAHULUAN

Perbahasan berkenaan intelektual kerap kali dibincangkan, kadangkala dihadirkan dalam wacana dalam pelbagai istilah umum seperti cendekiawan, pujangga, ulama, sarjana, guru dan ilmuwan. Masing-masing memegang peranan seperti mempunyai kemampuan mentafsir dan menghasilkan ilmu yang berguna untuk masyarakat. Azhar Ibrahim memperluas jejak sejarah perbahasan daripada pujangga kepada intelektual awam, dengan menekankan peranan guru sebagai wajah intelektual yang hadir dalam minda para pelajar.<sup>1</sup> Kerencaman bentuk ilmu akhirnya memperbanyak dan mempelbagaikan lagi potensi seseorang individu untuk memikul tanggungjawab yang disandarkan kepada intelektual, sehingga ia tidak lagi ditentukan hanya berdasarkan pada keturunan, pangkat dan kedudukan, malah kelayakan formal itu sendiri. Namun, persoalan tentang intelektual tidak sekadar terbatas pada sudut idealisme semata-mata. Secara realistiknya, peranan intelektual turut banyak mempengaruhi perkembangan masyarakat. Antonio Gramsci misalnya banyak memperkatakan hal intelektual ini, yakni dengan mengasingkan kelompok intelektual tradisional dan kelompok intelektual organik. Walaupun begitu, Gramsci tidak melebihikan mana-mana kelompok intelektual ini. Sebaliknya, beliau mengakui kewujudan kedua-duanya saling melengkapi antara satu sama lain dalam suatu keadaan masyarakat kelompok intelektual tradisional merujuk kepada kelompok intelektual yang sudah memiliki pengiktirafan dan kelayakan formal seperti sarjana dan pemikir, manakala kelompok intelektual organik pula merujuk kepada kelompok intelektual yang lebih menumpukan daya mereka terhadap isu-isu masyarakat seperti kelompok aktivis dan ulama. Apa yang dibangkitkan Gramsci dapat dilihat dari segi dinamik kedua-dua kelompok yang berusaha untuk mengekalkan sisi dominan mereka, yang mana menjadikan budaya intelektualisme sesbuah masyarakat terus subur.<sup>2</sup> Namun

begitu, persoalan tentang intelektual tidak terus terhenti setakat itu sahaja. Perkembangan wacana tentang peranan intelektual harus dipanjangkan lagi dalam konteks penjajahan dan pascapenjajahan. Wawasan intelektual yang selalu dibicarakan sarat dengan naratif kolonial yang membawa semangat pencerahan dengan nilai-nilai moden dalam pandangan dunia Barat. Dari titik inilah, visi dan wawasan terhadap intelektual mula disandarkan pada falsafah Barat, khususnya selepas kebangkitan nilai Anglomania menyebar ke pelosok Eropah. Pada mulanya, nilai keilmuan daripada ahli falsafah Inggeris ini tidak dilihat begitu berpengaruh ke arah gelombang Radical Enlightenment pada dekad 1730-an dan 1740-an, namun perkembangan fahaman Newtonian dan Locke diraikan oleh para pemikir dari Itali, Jerman, Belanda dan Perancis ini turut memberi kesan besar terhadap budaya intelektualisme di Eropah.<sup>3</sup> Persoalan moral dan ilmu saintifik kemudian mendominasi pemikiran humanisme Eropah, seterusnya diangkat menjadi antara hujah yang menghalalkan dasar imperialisme kuasa Eropah. Polisi penjajahan yang dijalankan akhirnya menyaksikan bagaimana kelompok intelektual dalam masyarakat peribumi dimaknakan semula sebagai mereka yang memegang cita dan citra Barat. Pendidikan yang diberikan dengan tujuan kelangsungan pengaruh Barat terus terpakai, tetapi lama-kelamaan generasi peribumi yang berpendidikan pula mulai mencari identiti peribumi dari hasil keilmuan yang pernah memberdayakan dan memperkasa daya akal dan pemikiran Eropah.

Dari sinilah, bermulanya kebangkitan semula generasi intelektual peribumi yang dahulunya disebut-sebutkan ‘ketinggalan zaman’, ‘ganas’ dan ‘gasar’ oleh masyarakat imperialis Eropah lalu memunculkan pelbagai gerakan yang berlandaskan semangat memerdekaan jiwa serta minda mereka. Frantz Fanon, antara intelektual berkulit hitam berpendidikan Perancis merupakan antara intelektual antarabangsa yang memajukan konsep keterasingan budaya, di mana masih ramai kelompok intelektual peribumi yang masih ragu dan takut kembali semula mencari jati diri sendiri bersumberkan kekayaan budaya serta kearifan tempatan yang terkubur akibat penjajahan.<sup>4</sup> Semangat kebangkitan Islam, semangat Negritude dan persoalan nasib masyarakat peribumi Dunia Ketiga hanya menghangatkan lagi perdebatan tentang fungsi intelektual. Beberapa pemikir Nusantara seperti Usman Awang, Pramoedya Ananta Toer, Rustam A. Sani, Syed Husin Ali dan Syed Hussein Alatas begitu lantang menyuarakan pertanyaan demi pertanyaan terhadap generasi intelektual yang ada di sekitar Dunia Ketiga. Pertanyaan yang diusulkan para pemikir yang disebutkan pula berlingkar dalam soal kemenjadian dan keperibadian para intelektual yang harus menyerap nilai tempatan.<sup>5</sup> Berlainan sedikit dengan para pemikir Islam seperti Hassan al-Banna, Syed Qutb dan Abul Ala Mawdudi yang banyak menyeru para intelektual agar kembali kepada sumber Islam yang sebenar dan membasmikan nilai Barat yang telah merosakkan umat Islam.<sup>6</sup>

Sementara itu, barisan intelektual Dunia Ketiga lain seperti Paulo Freire dari Brazil pula mendukung pembebasan jiwa dengan jalan pendidikan dan pengajaran yang terbina dari sifat cinta dan empati kepada para pelajar.<sup>7</sup> Edward Said pula menegaskan bahawa kepedulian intelektual turut merangkumi semangat waja dan kepimpinan transformatif ke arah aksi sosial,<sup>8</sup> sementara Noam Chomsky mengutarakan peranan intelektual itu harus jujur, ikhlas dan haruslah menentang ketidakadilan bersama kelompok masyarakat yang tertindas.<sup>9</sup> Ketegasan yang dipaparkan dalam idea-idea seputar persoalan intelektual ini banyak menyentuh peranan intelektual dari segi nilai, sikap dan sifat yang perlu ada. Secara tersiratnya, intelektual yang difahami masyarakat agak berbeza dengan apa yang cuba disampaikan dalam gesaan barisan intelektual yang telah disebutkan tadi. Dalam bayangan masyarakat awam, intelektual masih ditanggapi dengan pengelasan diri untuk meletakkan asas kepimpinan ideanya dan keberanian moralnya. Menurut Charles Kurzman dan Lynn Owens, intelektual boleh dibahagikan kepada beberapa kelas, iaitu *intellectual as class-in themselves, intellectual as class-bound* dan *intellectual as class-less*. Dua kelas terdepan banyak mementingkan soal statut sosial, kedudukan dan peranan intelektual sebagai kelas masyarakat dan kelas intelektual terakhir pula lebih bersifat membumi kepada rakyat.<sup>10</sup>

Konsep *rausyanfikir* dalam pemikiran Ali Syariati menjadi antara contoh terbaik dalam perbahasan ini. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif dan analisis deskriptif. Ia juga akan membincangkan beberapa aspek utama yang boleh diperhatikan untuk meneliti konsep intelektual menurut Ali Syariati. Digelar sebagai arkitek Revolusi Iran<sup>11</sup>, konsep ini juga telah banyak membangkitkan semangat rakyat sebelum 1979 dan masih relevan sehingga kini.

## HASIL PERBINCANGAN

Ali Shariati, atau nama sebenarnya Ali Mazinani<sup>12</sup> merupakan anak pertama daripada keluarga Muhammad Taqi dan Zahra. Beliau telah dilahirkan pada 24 November 1933 di sebuah desa kecil di Kahak atau Mazinan, kira-kira 70 kilometer dari Sabzevar. Kampung kelahirannya berdekatan dengan gurun pasir Dasht-I Kavir yang terletak di sebelah timur laut Iran. Beliau juga merupakan satu-satunya anak lelaki dalam keluarganya, bersama dengan tiga orang adik perempuan bernama Tehereh, Tayebah dan Batul Afsanah. Kehidupan keluarga mereka boleh dikatakan bertaraf masyarakat urban kelas bawah. Itulah sebabnya jiwa beliau lebih dekat dengan suasana perkampungan yang sederhana.<sup>13</sup>

Bapanya, Muhammad Taqi Syariati dianggap sebagai seorang hero di mata beliau. Ternyata, peranan dari rumah benar-benar membentuk jiwa dan keperibadian Ali Syariati sebagai seorang *humanist* yang amat mementingkan nilai kemasyarakatan.<sup>14</sup> Kegiatan bapanya yang begitu sibuk mengendalikan kuliah-kuliah diskusi di rumahnya untuk membahas idea-idea pemikiran moden telah memberi ruang buat Ali mengenal pemikiran dari kalangan pemikir Arab Sosialis, termasuklah pemikiran Ahmad Kasravi.<sup>15</sup> Ketika inilah, beliau sudah pun dide dahkan dengan fahaman sosialisme Arab. Pengaruh sosialisme Arab diserap dalam pemikirannya, dan terzahir dalam kegiatan awalnya menuju aktivisme politik sewaktu beliau berada dalam penuntut Kolej Latihan Perguruan. Aktivisme politik inilah yang menempatkan dirinya sebagai penyokong Mossadegh<sup>16</sup> sehingga pada 1952, beliau telah ditugaskan untuk mengajar di sebuah sekolah rendah di Ketabpur. Pada masa yang sama, beliau turut menjadi penterjemah pelbagai karya dan sebagai penyumbang tulisan dalam akhbar tempatan, *Khorasan*. Di samping menjadi guru sepenuh masa, beliau juga mendaftarkan diri menjadi penuntut Universiti Masyhad dalam jurusan Bahasa Arab dan Perancis.<sup>17</sup> Akhirnya, beliau berjaya menamatkan pelajaran dan telah menerima tawaran biasiswa untuk melanjutkan pengajian di Paris pada 1958. Perancis merupakan pilihan pertama beliau disebabkan sejarah Kota Paris sebagai kota revolusi Barat dan tanah kelahiran ramai para intelektual Barat. Beliau telah melanjutkan pengajiannya di Universiti Sorbonne, Perancis dan telah berhubung rapat dengan para intelektual ternama seperti Louis Massignon, George Gurvitch, Jean-Paul Sartre, Henri Bergson dan Franz Omar Fanon.<sup>18</sup>

## Perjuangan Politik Ali Syariati sehingga 1977

Penglibatan Ali Syariati dalam aktiviti persatuan pelajar di Perancis menandakan bahawa perjuangan beliau belum selesai. Selepas beberapa tempoh, beliau mempersoalkan kerelevan gerakan mahasiswa luar negara dan memutuskan untuk beralih angin perjuangan kepada penulisan. Beliau telah dipilih sebagai editor bagi majalah *Iran-e Azad*, iaitu lidah perjuangan kepada Konfederasi Pelajar Iran pada tahun 1962. Beliau turut membantu menubuhkan satu kolumn khas berkenaan Gerakan Pembelaan Iran (*Iranian Liberation Movement*) di mana ruangan ini juga memuatkan kritikan-kritikan beliau terhadap keadaan politik di Iran. Karya penterjemahan beliau juga semakin banyak, apabila beliau berusaha menterjemah karya Fanon dan Che Guevara.<sup>19</sup> Pada 1964, Ali berjaya meraih ijazah kedoktoran dalam bidang Sosiologi dengan disertasi pembahasan filologi Parsi abad pertengahan berjudul *Les Meretis de Balkh (The Notables of Balkh)*.<sup>20</sup> Sesudah itu, beliau pulang semula ke Iran dengan gagasan pemikiran moden yang dikutipnya bertahun-tahun di Perancis. Hanya pada 1966, Ali Syariati berjaya mengisi jawatan pensyarah di Universiti Masyhad. Karier beliau melonjakkan

lagi pengaruhnya dalam kalangan mahasiswa, ditambah lagi dengan sifatnya yang ramah dan terbuka untuk membicarakan sebarang topik yang berkisarkan politik. Kuliah-kuliahnya juga popular dalam kalangan mahasiswa, sehingga seluruh kuliah beliau dirakam, ditranskrip, diperbanyak dan disebar luas oleh para pelajarnya. Bahkan, kuliah-kuliah yang telah ditranskripkan dan diedit agar sesuai untuk diterbitkan.<sup>21</sup> Sebanyak dua karya beliau diterbitkan atas inisiatif para pelajarnya, iaitu *Eslamshenasi* dan *Kavir*. Salah satu usaha terpenting Ali Syariati ialah dengan menubuhkan Hussainiyah Irshad<sup>22</sup> bersama seorang ulama modernis Iran dan kenalan rapat Imam Khomeini, Murtadha Muttaahhari pada tahun 1969. Dengan idea-idea kritikal dan radikal yang dilontarkan oleh Ali Syariati, Hussainiyah Irsyad telah banyak dikritik oleh sebahagian ulama tradisional. Justeru, konflik tersebut mengakibatkan perselisihan faham di antara Murtadha Muttaahhari dengan Ali Syariati.<sup>23</sup>

Tahun 1970-an merupakan dekad penting penentangan yang dihadapi oleh Ali Syariati. Beliau ditentang keras oleh golongan ulama tradisional, lantaran pendekatannya memaknakan semula Islam yang dilihat ‘tersimpang’ dari ajaran tradisional.<sup>24</sup> Selain itu, populariti beliau di kampus menyebabkan para mahasiswa yang terlibat dalam persatuan kiri dan radikal seperti organisasi gerila ‘Mujahiddin Rakyat’ dan ‘Fada’ian Rakyat’ dianggap sebagai pelajar beliau. Populariti beliau juga dikukuhkan dengan tersebarnya pita rakaman kuliah, risalah dan naskhah transkrip ucapannya. Memetik kenyataan Profesor Madya Dr. Mansour Farhang pada 1979;

*“...More than 80 per cent of the books on display on the pavements of Iranian cities are the writings of Ali Shariati. Many illiterate Iranians have come to learn about Shariati’s ideas by listening to his lectures, which are widely available as his books. During the repressive years of the Shah’s regime, thousands of Iranians were imprisoned and tortured for possessing Shariati’s books or the cassette tapes of his lectures. Xerxes the Great Hospital has been renamed Dr. Ali Shariati’s Hospital. Shariati has become the Voltaire of the Iranian Revolution...”<sup>25</sup>*

Ketegangan hubungan antara kerajaan dengan gerakan-gerakan ini mengakibatkan pemenjaraan beliau. Pada tahun 1975, pihak pemerintah terpaksa membebaskan Ali disebabkan tekanan antarabangsa.<sup>26</sup> Pada 19 Jun 1977, beliau disahkan meninggal dunia kerana penyakit jantung. Walau bagaimanapun, ada desas-desus menyatakan bahawa penyakit jantung yang dialaminya berpunca dari tekanan psikologi serta ancaman pasukan polis khas di bawah Reza Khan.<sup>27</sup>

## Perbahasan tentang Konsep *Rausyanfikir*

Tidak seperti perbahasan lalu tentang istilah intelektual, konsep *rausyanfikir* merupakan antara konsep yang agak mudah ditemui dan dipinjam bagi mengukuhkan hujah dalam mana-mana wacana yang menyentuh perihal intelektual. Namun, ia juga merupakan konsep yang masih kurang ditelusuri dan diterokai dengan lebih mendalam. Selain dari kajian Norfarahani pada 2017, beberapa sorotan literatur yang khusus dalam persoalan *rausyanfikir* boleh didapati seperti kajian disertasi Saifullah pada 2002. Kajian tersebut banyak menyentuh perihal terminologi dan perbandingan pemikirannya dengan seorang tokoh reformis Islam iaitu M. Iqbal,<sup>28</sup> manakala kajian perbandingan idea *rausyanfikir* juga dilakukan oleh Esmail Zeiny, iaitu dengan Syed Hussein Alatas.<sup>29</sup> Di ruang awam pula, istilah *rausyanfikir* tidaklah janggal disebut-sebut ramai terutamanya dalam konteks Malaysia. Beberapa tokoh intelektual terkenal dalam ruang awam yang kerap kali membicarakan nama Ali Syariati dan seterusnya memalas segarkan pangkal idea *rausyanfikir* ialah Raja Ahmad Aminullah<sup>30</sup>, Benz Ali, Dr. Maszlee Malik<sup>31</sup> dan Wan Ahmad Fayhsal.<sup>32</sup> Meskipun begitu, konsep *rausyanfikir* yang mereka sentuh kurang diperdalamkan analisisnya dan sering kali terlihat menjadi suatu konsep yang diperbandingkan dengan tokoh yang turut menyentuh inti persoalan intelektual dan sebuah ideal yang harus dituju tentang sikap diri terhadap ilmu dan lebih menumpukan kepada usaha memberi manfaat berpanjang kepada masyarakat.

### Kerangka Konsep *Rausyanfikir* oleh Ali Syariati

Konsep *rausyanfikir* boleh difahami menerusi tiga aspek utama, iaitu dari segi intelektualisme, ideologi dan idealisme. Secara umumnya, setiap aspek ini akan mengupas pemikiran Ali Syariati dalam sudut pemaknaan dan pemberdayaan semula para intelektual serta memperluaskan kerelevanannya intelektual dalam struktur masyarakat.

#### Intelektualisme dalam *Rausyanfikir*

Dalam konteks kajian ini, intelektualisme yang dimaksudkan penulis adalah dari segi nilai, prinsip keperibadian dan sikap yang harus wujud dalam kemenjadian diri seseorang intelektual. Pembinaan Ali Syariati mengupas hal ini berlandaskan suatu istilah khas. Istilah *rausyanfikir* merupakan suatu gelaran yang dirujuk kepada golongan terpelajar dan cendekiawan amnya. Ali Syariati mendefinisikan semula maksud *rausyanfikir* dari segi bahasa dan inti patinya. Dari segi bahasanya, ia berasal daripada perkataan Parsi yang membawa erti ‘pemikir yang tercerahkan’, tetapi ada juga yang menghuraikan perkataan tersebut adalah berasal daripada perkataan Arab, iaitu *munawwar al-fkir* (orang yang tercerahkan).<sup>33</sup>

Menurut Ali Syariati, *rausyanfikir* merupakan 'seorang yang sedar dengan situasi masyarakat dan keadaan sejarah serta sosial'. Kesedaran yang dimaksudkan ini seharusnya dapat memerikan perasaan tanggungjawab sosial. Tahap pendidikan menjadi aspek kedua yang melayakkan seseorang digelar *rausyanfikir*. Tambahnya lagi, *rausyanfikir* ialah 'mereka adalah orang-orang yang dapat berfikir sendiri, melihat sendiri, memahami sendiri dan akhirnya memilih sendiri.' Eksistensialisme yang wujud dalam pemikiran beliau banyak menekankan soal kebebasan dan kesedaran diri terdahulu sebelum merenung situasi masyarakatnya. Dalam makalahnya yang berjudul "Dari Mana Kita Mesti Mulai?"<sup>34</sup>, beliau menjelaskan bahawa masalah yang membengkak masyarakat Iran khususnya para intelektualnya ialah kurangnya kesedaran sosial dalam kalangan intelektual, lalu menjadi punca kepada kegagalan strategi sosial yang berkesan. Jurang pendapat yang besar terjadi antara rakyat biasa dan golongan terpelajar haruslah ditangani kerana menyedari bahawa di Barat, intelektual mampu berkomunikasi dengan rakyat biasa. Kegagalan komunikasi ini dipandang sebagai suatu kesalahan yang besar buat golongan intelektual ke atas masyarakatnya. Strategi sosial yang paling sesuai untuk menyebarkan kesedaran sosial dalam kalangan intelektual dengan mendekati masyarakatnya sendiri. Ali Syariati menegaskan bahawa para intelektual haruslah menyedari fungsi dan kedudukannya dalam masyarakat. Seterusnya, kaedah pemaksaan dan penentuan sesebuah idea ke atas rakyat merupakan suatu kaedah yang tidak sesuai, lagi-lagi dalam masyarakat yang masih mengekalkan agama sebagai sumber kehidupan.<sup>35</sup> Oleh hal yang demikian, kaedah paling baik untuk golongan intelektual ini ialah mereka harus memperkenalkan diri dan ideanya ke dalam masyarakat.

Penekanan terhadap intelektual dan tanggungjawabnya kepada masyarakat lebih terserlah apabila Ali Syariati menyatakan bahawa *rausyanfikir* perlulah menjadi seperti seorang 'nabi sosial'.<sup>36</sup> Memetik pendapatnya;

*"In principle, the responsibility and the rule of contemporary enlightened souls of the world resembles that of the prophets and the founders of the great religions-revolutionary leaders who promoted fundamental structural changes in the past. Prophets are not in the same category as philosophers, scientists, technicians or artists. The prophets often emerged from among the masses and were able to communicate with the masses to introduce new mottoes, project new vision, start new movements and beget new energies in the conscience of the peoples of their time and places."*<sup>37</sup>

'Nabi sosial' yang dimaksudkan oleh Ali Syariati ialah seseorang yang cerah pemikirannya, datang daripada rakyat dan mampu memperkenalkan pembaharuan kepada masyarakatnya. Malah, golongan *rausyanfikir* berdiri dalam tangga kelas masyarakat yang berlainan daripada ahli falsafah, saintis mahupun artis. Walau bagaimanapun, perbezaan ini tidak bermaksud

*rausyanfikir* harus lebih dijulang daripada kelompok ahli falsafah, saintis dan artis. Sebaliknya, *rausyanfikir* boleh ditanggapi sebagai suatu anjakan paradigma yang baharu dan lebih mendasari kepentingannya kepada sumber kekuatan dan sumbangan tenaga kepada masyarakat.

### **Perbezaan *Rausyanfikir*, Intelektual, Intelektual Palsu dan Ulama**

Ali Syariati berusaha membezakan maksud dan peranan intelektual biasa, intelektual palsu dan ulama. Bagi beliau, 'intelektual' dikatakan seharusnya memberar, memperjelas dan memudahkan keadaan agar kehidupan lebih sejahtera serta penuh dengan nikmat. 'Intelektual' juga dianggap sebagai golongan yang menemui fakta-fakta, di mana ia seharusnya boleh digunakan untuk sesuatu tujuan, sama ada baik atau buruk. *Rausyanfikir* pula seharusnya menjadi golongan yang mengajarkan kebenaran, dan haruslah menjadi 'pemandu suku' atau *ra'id*. *Rausyanfikir* juga digalakkan untuk menimba pengetahuan agama dan sekular agar boleh mengukuhkan kesedaran sosial mereka serta mengapi-apikan semangat berbakti kepada masyarakatnya.<sup>38</sup>

Intelektual palsu pula khusus buat golongan intelektual yang mudah terpengaruh dengan keilmuan Barat sehingga mahu menghilangkan identiti, sejarah dan budaya sesebuah masyarakat. Di Iran, salah seorang tokoh yang dilabelkan oleh Ali Syariati sebagai 'intelektual palsu' ialah Mirza Malkum Khan. Beliau merupakan seorang reformis Islam yang berwawasan Eropah, percaya bahawa sekularisasi dan pembaratan amat sesuai untuk masyarakat Iran pada ketika itu.<sup>39</sup> Ali Syariati membantah pendapat ini kerana beliau melihat Islam sudah pun sesuai dengan keadaan Iran dan pembaharuan cuma boleh dilakukan dengan melihat kepada kekuatan diri terdahulu. Malah, Jalal-e Ahmad pernah menyimpulkan sifat fanatik terhadap Barat sebagai salah satu 'penyakit' *gharbزادگی*, atau *Westoxification*.<sup>40</sup> Penyakit fanatik terhadap Barat hanya akan melemahkan identiti sesebuah masyarakat Islam, sehingga berani menolak sejarah dan kebudayaan Islam yang pernah bertapak dalam masyarakat.

Kepada golongan ulama, beliau menulis, "seseorang tidak memerlukan serban untuk mengarahkan masyarakat." Kritikan Ali Syariati terhadap golongan ulama membuktikan bahawa label 'intelektual' tidak semata-mata untuk golongan cerdik pandai atau yang berpendidikan sekular, tetapi ia juga merangkumi golongan berpendidikan agama.<sup>41</sup> Tambahan lagi, ulama merupakan penggerak massa yang paling sesuai dalam sesebuah masyarakat Islam. Antara kritikan beliau terhadap golongan ulama ialah amalan menyamakan Islam dengan tradisi setempat di Iran yang dilihat menjumudkan pengetahuan dan kesedaran sebenar terhadap Islam. Misalnya, ritual memukul kepala sewaktu Asyura dan kos perbelanjaan yang banyak untuk membina

pelbagai kawasan yang dikatakan untuk ibadat<sup>42</sup> serta kos menjemput para pengkhutbah yang hanya berucap semasa upacara rintihan sahaja.<sup>43</sup>

Kritikan demi kritikan dilontarkan kepada para intelektual dan agamawan oleh Ali Syariati. Bagi beliau, potensi intelektual amat besar untuk mengubah sesebuah masyarakat. Beberapa perkara yang telah digariskan oleh beliau secara umum banyak bersangkut paut dengan peranan rausyanfikir dan tanggungjawab sosial yang harus dipikul, selaras dengan ilmu, kemahiran dan kebolehan yang mereka ada. Revolusi intelektual hanya boleh dicetuskan oleh kelompok intelektual itu sendiri.<sup>44</sup> Berikut merupakan beberapa ciri asas yang perlu ada dalam diri seseorang intelektual untuk memenuhi tanggungjawabnya sebagai seorang rausyanfikir:<sup>45</sup>

- a. Rausyanfikir harus dalam kalangan orang yang beragama dan bersemangat bebas.
- b. Rausyanfikir harus mempunyai kesedaran terhadap diri sendiri.
- c. Rausyanfikir harus berani bertindak.
- d. Rausyanfikir harus bijak menilai sumber.
- e. Rausyanfikir harus menentang kebohongan dalam bidang ilmiah dan kepercayaan tradisi yang memudaratkan.

### **Islam sebagai Teologi Pembebasan**

Bagi Ali Syariati, 'ideologi' ialah penganjur keyakinan dan gagasan di mana ia diikuti oleh suatu kelompok, kelas sosial, bangsa atau ras tertentu. Ideologi ialah kunci kepada kepercayaan dan kesedaran diri.<sup>46</sup> Oleh hal yang demikian, beliau terkesan dengan idea teologi pembebasan. Ia merupakan tindakan merealisasikan sesuatu yang dianjurkan oleh agama. Misalnya, agama menganjurkan kita untuk berbuat baik kepada golongan miskin lalu kita bertindak dengan menuruti arahan Tuhan, berfikir dan memahami serta memanifestasikan suatu tindakan yang sesuai untuk membantu golongan miskin yang disebutkan. Walaupun begitu, sisi pemikiran ini banyak disalah guna oleh sesetengah kumpulan khususnya kumpulan militan agama dan pihak yang berkepentingan. Hamid Dabashi menegaskan akibat ini dalam bukunya *Islamic Liberation of Theology: Resisting the Empire*, di mana pengideologisasian Islam telah membawa kepada radikalisme pertubuhan militan Islam seperti al-Qaeda dan Taliban.<sup>47</sup>

Oleh itu, Peter C. Phan dalam makalahnya bertajuk "Method in Liberation Theologies"<sup>48</sup> telah mencadangkan beberapa kaedah pemahaman yang terbaik untuk menilai proses pengideologisasian Islam sebagai 'jalan pembebasan'. Pendekatan utama yang boleh dilihat dalam pemikiran Ali Syariati adalah

dari segi hermeneutik.<sup>49</sup> Dalam teologi pembebasan, ia merupakan elemen penting dalam membentuk kefahaman dan keyakinan, mencari rasional dan memikirkan maksud kata-kata Tuhan dalam kitab suci. Kaedah ini digunakan untuk mentafsir Surah ar-Rum. Dalam karyanya *Haji*, segala rukun haji yang disempurnakan oleh beliau dikenang semula dan diisi maknanya. Mengimbau kata-kata beliau;

*“...Semakin hampir dengan Ka’bah, semakin banyak kebesaran yang kamu rasakan. Dengan menuruni bukit buku ketika menuju Ka’bah, kamu semakin dekat dengan Allah. Hanya kerendahan hati dan kepatuhanlah, kamu dapat menghampiri kebesaran, kemuliaan dan akhirnya kesempurnaan...”<sup>50</sup>*

Bagi beliau, Islam sebenarnya sudah pun cukup ‘membebaskan’ para penganutnya, menyebabkan para pengikut terdahulu yang setia di belakang Rasulullah. Prinsip keadilan yang dibawakan dalam Islam memberi sinar harapan untuk perjuangan hidup mereka. Semangat inilah yang cuba dibekalkan dalam setiap usaha ideologisasi Islam oleh Ali Syariati atau ‘Islamologi’. Menurut pemerhatian pengkaji, terdapat banyak usaha penilaian dan penelitian semula terhadap pemikiran Islamologi Ali Syariati seperti andaian bahawa Ali Syariati membina gagasan Islamologi beliau dengan asas sosialisme.<sup>51</sup>

### Idealisme Ali Syariati

Dalam bahagian ini, aspek terakhir yang akan dibincangkan adalah dari sudut idealisme. Ali Syariati boleh dikatakan sebagai seorang idealis. Beliau berani menunjukkan imaginasi peribadinya tentang orang-orang yang bersemangat juang untuk mendapatkan nasib yang lebih baik. Tidak cukup dengan itu, beliau menghasilkan dua dimensi ideal yang dicitakan sesuai dan sempurna. Dimensi pertama ialah untuk diri sendiri, dan dimensi kedua pula ialah untuk masyarakatnya.

Tema utama dalam *rausyanfikir* ialah mengenai kuasa seseorang yang telah sedar hasil daripada ilmu-ilmunya dan kekuatan ilmu tersebut sekiranya digunakan untuk membantu orang lain. Memetik Ali Syariati;

*“...Ideal man passes through the very midst of nature and comes to understand God; he seeks out mankind and thus attains God. He does not bypass nature and turn his back on mankind. He holds the sword of Caesar in his hand and he has the heart of Jesus in his breast. He thinks with the brain of Socrates and loves God with the heart of Hallaj. As Alexis Carrel desired, he is a man who understands the beauty of science and the beauty of God; he listens to the words of Pascal and the words of Descartes...”<sup>52</sup>*

Manusia yang ideal tidak membelakangi manusia, dan tidak pula membelakangi Tuhan. Manusia yang ideal juga gagah berjuang, namun tetap mempunyai rasa manusiawinya. Manusia yang ideal berfikir merenungi hidup dan bertanyakan tentang dunia serta seisinya namun jiwanya masih berpandukan dengan iman dan ketuhanan. Hal ini bertaut dengan perbincangan dalam aspek terdahulu, iaitu berkisar tentang tanggungjawab dan landasan perjuangan yang wajar dimiliki oleh *rausyanfikir*. Selain itu, kebebasan diri juga menjadi satu lagi kunci utama manusia ideal. Lebih indah dalam kata-kata Ali Syariati sendiri;

*“...My Lord, free me from the four prisons of ‘nature’, ‘history’, ‘society’ and ‘self’, so that I may recreate myself in the form that You originally created me, not as an animal who adapts to the environment, but so that I may make my environment adapt to me...”<sup>53</sup>*

Terdapat empat ‘penjara’ yang dinyatakan oleh Ali Syariati, iaitu ‘alam sekeliling’, ‘sejarah’, ‘masyarakat’ dan ‘diri sendiri’. Penjara-penjara ini bukanlah penjara yang bersifat konkret, sebaliknya Ali Syariati memaksudkannya sebagai suatu bentuk aturan yang dogmatik. Dalam pandangannya, manusia yang ideal ialah manusia yang tidak terkekang dengan apa pun khususnya dalam usaha mencari ilmu. Dalam erti kata lain, kemerdekaan jiwa menjadi syarat penting ke arah mencari kebenaran. Namun begitu, Tuhan tetap dijadikan penentu sejauhmana kebebasan seseorang manusia itu menimba ilmu yang berfungsi membantu masyarakatnya.

Dimensi ideal kedua ialah penciptaan masyarakat utopia. Menurut beliau, masyarakat yang paling ideal dalam Islam dipanggil sebagai ‘ummah’. Infrastruktur ummah bergantung pada ekonominya, dan seharusnya berpegang kepada kesamaan, keadilan dan pemilikan.<sup>54</sup> Dalam menciptakan ummah terbaik, setiap anggotanya memainkan peranan dan tanggungjawab yang penting. Beliau mengibaratkan ummah sebagai suatu sistem anatomi untuk membolehkan sesebuah masyarakat itu maju ke hadapan, iaitu otak dan hati. Ali Syariati menganggap kaum *rausyanfikir* sebagai otak masyarakat, manakala rakyat biasa sebagai hati sesebuah masyarakat. Otak diumpamakan sebagai suatu sumber wawasan, manakala rakyat pula disamakan sebagai sumber iman, keikhlasan dan pengorbanan. Oleh kerana ummah yang terbaik ialah ummah yang dapat mengimbangi kedua-dua ‘anatomi masyarakat’, maka sebarang kekurangan yang muncul dalam sesebuah ummah akan dapat dikenal pasti melalui kegagalan atau kelemahan daripada salah satu ‘anggota’ ummah.<sup>55</sup> Jika sesebuah masyarakat itu dilihat kurang wawasan, hal itu datangnya daripada kelemahan kaum intelektualnya. Jika sesebuah masyarakat itu dilihat kurang hati atau imannya (yakni menghadapi kebejatan moral), maka hal itu datangnya dari kelemahan rakyatnya.<sup>56</sup>

## KESIMPULAN

Pemikiran Ali Syariati tentang intelektual banyak disudahkan dan dihujahkan dalam kerangka semangat reformisme Islam, serta dipadukan dengan pelbagai teori sains sosial yang telah dipelajarinya daripada pelbagai sumber. Beliau telah pun mengkategorikan makna intelektual dalam pelbagai istilah khusus yang berbeza, di mana setiapnya diselitkan beberapa kritikan yang membawa kepada visi intelektual sempurna iaitu *rausyanfikir*. Selain itu, beliau juga melihat *rausyanfikir* perlu berlandaskan pada ideologi yang paling utuh, iaitu dengan menggunakan potensi agama sebagai teologi pembebasan. Dengan metode Peter C. Phan, kaedah paling jelas yang digunakan oleh Ali Syariati adalah kaedah hermeneutik. Sementara itu, aspek terakhir lebih memperlihatkan visi dan wawasan yang terbaik disandarkan kepada keupayaan intelektual *rausyanfikir* dan ketinggian moral masyarakat, membawa kepada pembinaan masyarakat Islam yang lebih baik. Kesarjanaan Ali Syariati dan keperibadiannya membawa suara progresif sebagai ‘jalan tengah’ di antara kelompok pro-kerajaan Pahlavi dan kelompok konservatif disahut oleh golongan muda, khususnya yang pernah mengikuti tulisannya dan kuliahnya sebelum beliau dianggap ‘mati syahid’ oleh rakyat ketika itu. Tenaga belia inilah menjadi salah satu pihak yang berjaya menekan Shah Pahlavi dan membawa kepada keberjayaan Revolusi Iran 1979.

## NOTA

- <sup>1</sup> Azhar Ibrahim, *Utopia Masyarakat Lambak*, Bangi: Thukulcetak, 2016, hlm. 51–94.
- <sup>2</sup> Margaret Leah King, *The Social Role of Intellectuals: Antonio Gramsci and the Italian Renaissance, Soundings: An Interdisciplinary Journal*, 61(1), 1978, hlm. 23–46.
- <sup>3</sup> Jonathan L. Israel, *Radical Enlightenment: Philosophy and the Making of Modernity (1650–1750)*, New York: Oxford University Press, 2001, hlm. 559–564.
- <sup>4</sup> Ali Syariati merupakan antara sahabat Frantz Fanon dan kerap kali berutus surat antara satu sama lain sebelum Fanon meninggal dunia pada 1961. Frantz Fanon merupakan tokoh pemikir dan pejuang Algeria yang turut popular di serata Afrika selepas dibuang negeri oleh Perancis. Ali Syariati juga berjaya ‘menyambung’ semula gagasan idea dan pemikiran Fanon khususnya dalam konsep keterasingan budaya. Sila lihat Ali Syariati, Syafiq Basri, Haidar Bagir (penterjemah), *Ideologi Kaum Intelektual: Suatu Wawasan Islam*, 1994, hlm. 128–164.
- <sup>5</sup> Usman Awang, et al., *Peranan Intelektual*, Petaling Jaya: SIRD, 2016, hlm. 1–22.
- <sup>6</sup> Asyraf Hj. Abd Rahman, Nooraihan Ali, Wan Ibrahim Wan Ahmad, *Twentieth Century Muslim’s Thought and Their Influence on Sayyid Qutb’s Writings*, *‘Ulum Islamiyyah Journal*, 7, 2011, hlm. 81–94.
- <sup>7</sup> Paulo Freire, Myra Bergman Ramos (penterjemah), *Pedagogy of the Oppressed*, New York: Continuum International Publishing Group, 2005, hlm. 45.
- <sup>8</sup> Edward Said, *Peace and Discontents*, New York: Vintage, 1996, hlm. 184–185.
- <sup>9</sup> Azhar Ibrahim, *op.cit.*, hlm. 65.
- <sup>10</sup> Charles Kurzman, Lynn Owens, ‘The Sociology of Intellectuals’, *Annual Review of Sociology*, 28, 2002, hlm. 63–90.
- <sup>11</sup> Mehdi Abedi, Mehbi Abedi, ‘Ali Shariati: The Architect of the 1979 Islamic Revolution of Iran’, *Iranian Studies*, 19(3/4), 1986, hlm. 229–234.

- <sup>12</sup> Beliau telah menukar nama sebelum menyambung pengajian ke luar negara. Ekky pula menyebut beliau menukar nama untuk ke luar negara tanpa dikesan pihak kerajaan. 'Mazinani' merujuk kepada tempat kelahiran beliau. Sila lihat Benz Ali (penyelenggara). *Ali Syariati untuk Pemula*. Petaling Jaya: Fajar Kiri Publication Sdn. Bhd. 2016, hlm. 29 dan Ekky Malaky. *Ali Syari'ati: Filosof Etika dan Arsitek Iran Modern*. Jakarta Selatan: Penerbit Teraju. 2004. hlm. 24.
- <sup>13</sup> Ali Rahnema. *Ali Syari'ati: Biografi Politik Intelektual Revolucioner*, Jakarta: Penerbit Erlangga, 2000, hlm. 53.
- <sup>14</sup> Ervand Abrahamian, 'Ali Shari'ati: Ideologue of the Iranian Revolution', *MERIP Reports*, 102, 1982, hlm. 24–28.
- <sup>15</sup> Ahmad Kasravi (1890–1946) merupakan tokoh pemikir Iran yang banyak mengkritik para intelektual, ulama dan menganjurkan idea Islam sebagai 'jalan tengah'. Pengaruh Ahmad Kasravi membentuk sebahagian persepsi terhadap ulama, di mana peranan ulama seharusnya menjadi pemimpin yang tercerahkan di mana mereka mampu memandu masyarakat keluar dari ketahylan dan seterusnya mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Sila lihat Chad Kia, 'The Scum of Tabriz: Ahmad Kasravi and the Impulse to Reform Islam', *British Journal of Middle Eastern Studies*, 41(4), hlm. 498–51.
- <sup>16</sup> Dr. Mohammad Mossadegh (1882–1967) merupakan Perdana Menteri Iran sebelum dijatuhi oleh sebuah coup terancang oleh CIA pada 1953. Rancangan tersebut juga dikenali sebagai Operasi TPAJAX di bawah kerjasama Presiden Harry Truman dan Perdana Menteri Clement Atlee. Sila lihat Torey L. McMurdo, 'The Economics of Overthrow: The United States, and the Hidden Justification of Operation TPAJAX', *Studies in Intelligence*, 56(2), 2012, hlm. 15–26
- <sup>17</sup> Ali Rahnema, *op.cit*, hlm. 16.
- <sup>18</sup> *Ibid.*, hlm. 177–193.
- <sup>19</sup> Nor Ashiken, Dr. Ali Shari'ati: Arkitek Revolusi Iran 1979, *Latihan Ilmiah*, 2009, hlm. 9–10.
- <sup>20</sup> Tesis tersebut menjadi antara rujukan utama yang membincangkan penejarahan Arab yang ditulis oleh sejarawan Parsi dalam karya lama Fadail-i Balkh. Ali Syariati berjaya hasilkan transkripsi dan penterjemahan dari Fadail-i Balkh dari Parsi ke bahasa Perancis sila lihat Arezou Azad, 'The Fadail-i Balkh and its Place in Islamic Historiography', *Journal of the British Institute of Persian Studies*, 2017, hlm. 79–102.
- <sup>21</sup> Ali Shariati, Hamid Algar (penterjemah), *On the Sociology of Islam: Lectures by Ali Shari'ati*, Berkeley: Mizan Press, 1979, hlm. 8.
- <sup>22</sup> Nama 'Hussainiyah' membawa erti lokasi pertemuan masyarakat Syiah semasa perkabungan mengingati kesyahidan Imam Husain manakala 'Irsyad' pula ialah bimbingan.
- <sup>23</sup> Ali Rahnema, *op.cit*, hlm. 371–373.
- <sup>24</sup> Dustin J. Byrd, Seyed Javad Miri (editor), *Ali Shariati and the Future of Social Theory: Religion, Revolution and the Role of Intellectual*, Leiden: Brill, 2017, hlm. 2–3.
- <sup>25</sup> Manshour Farhang, 'Reflections of a concerned Muslim: On the plight of oppressed people', *Race & Class*, 21(1), 1979, hlm. 33–40.
- <sup>26</sup> Ekky Malaky, *op.cit*, hlm. 24.
- <sup>27</sup> Ali Rahnema, *op.cit*, hlm. 572.
- <sup>28</sup> Saifullah, Rausyanfikir: Analisis terhadap Pemikiran Ali Syari'ati tentang Peranan Intelektual Muslim, *Disertasi Sarjana*, 2002, Universiti Malaya.
- <sup>29</sup> Esmail Zeiny, Spokesman of Intellectual Decolonization: Shariati in Dialogue with Alatas. Dlm. Dustin J. Byrd, Seyed Javad Miri, *op.cit*, hlm. 64–84.
- <sup>30</sup> Raja Ahmad Aminullah merupakan intelektual dan penulis terkenal yang tidak segan berbicara tentang Ali Syariati. Salah satu bukunya yang terkenal iaitu *Minda Tertawan: Intelektual, Rausyanfikir dan Kuasa* menghubungkan istilah *rausyanfikir* dan peranannya untuk mengekang cengkaman kuasa ke atas dirinya sebagai intelektual, dan dirinya sebagai pembantu masyarakat.
- <sup>31</sup> Dr. Maszlee Malik merupakan seorang intelektual dan bekas Menteri Persekutuan Malaysia yang turut banyak menyebut tentang Ali Syariati. Misalnya, dalam sebuah hansard DR30.10.2018, beliau menyebutkan nama Ali Syariati secara rasmi sebaris dengan nama intelektual lain seperti Ralph Waldo Emerson dan Syed Hussein Alatas dan memuji visi pendidikan tinggi yang mengembalikan roh 'cendekiawan', iaitu cendekiawan yang berkhidmat kepada masyarakat awam. Sila lihat Penyata Rasmi Dewan Rakyat Parlimen Dewan Rakyat, Bil. 30 bertarikh 30 Oktober 2018, hlm. 130.

- <sup>32</sup> Wan Ahmad Fayshal, kini dilantik menjadi Timbalan Kementerian Belia dan Sukan pernah mengendalikan sebuah blog peribadi yang memuatkan banyak tulisan kritik sosial dan esei berbentuk pandangan peribadi dengan nama penanya 'Rausyanfikir' dalam pautan <http://www.rausyanfikir.com/>.
- <sup>33</sup> Ekky Malaky, *op.cit.*, hlm. 29.
- <sup>34</sup> Ali Shariati, A. Alidust, F. Rajee (penterjemah), *Where Shall We Begin?* Dlm. Dr. Ali Shari'i ati, Farhang Rajee (penyelenggara), *What is to be Done: The Enlightened Thinkers and an Islamic Renaissance*, Texas: Institute for Research and Islamic Studies, 1986, hlm. 1–28.
- <sup>35</sup> Norfarahani Rosman, Konsep Rausyanfikir dan Kesannya ke arah Revolusi Iran, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, *Latihan Ilmiah*, 2017, hlm. 62.
- <sup>36</sup> 'Nabi sosial' secara amnya merujuk kepada peranan seseorang intelektual yang bukan sahaja dipertanggungjawabkan mencari dan menganalisis ilmu, malah turut merangkumi peranan intelektual terhadap masyarakatnya. Ali Syariati menyimpulkan peranan intelektual ini dalam gambaran dan bentuk spiritual, yakni seseorang yang terpilih oleh Tuhan untuk mengajarkan kebenaran serta membawa kedamaian kepada masyarakatnya.
- <sup>37</sup> Ali Shariati, A. Alidust, F. Rajee, *op.cit.*, hlm. 5.
- <sup>38</sup> Dr. Ali Shariati, Rahman Astuti (penterjemah), *Membangun Masa Depan Islam*, Bandung: Penerbit Mizan, 1986, hlm. 28–30.
- <sup>39</sup> Hamid Algar, *Mirza Malkum Khan: A Biographical Study in Iranian Modernism*, California: University of California, 1973, hlm. 14.
- <sup>40</sup> *Gharbzadagi* (diterjemahkan oleh Hamid Algar sebagai Oksidentosis) membincangkan pemisahan dunia antara Barat dan Islam, di mana masyarakat Iran perlu sedar tentang sejarah dan budaya mereka untuk membina semula identiti Islam yang sebenar. Malkum Khan turut dikritik oleh Jalal Al-I Ahmad sebagai intelektual yang *occidentotic*. Jalal Al-I Ahmad, *Occidentosis: A Plague from the West*, Berkeley: Mizan Press, 1984, hlm. 56–57.
- <sup>41</sup> Dr. Ali Shariati, 1986, *op.cit.*, hlm. 9.
- <sup>42</sup> Antara pembinaan yang dilakukan ialah *joseiniyyeh* (sebuah bangunan khas untuk upacara berkaitan dengan Imam Husain), *tekiyeh* (tempat acara lakonan semula peristiwa penting masyarakat Syiah) dan *heyat* (kelab tempatan untuk para belia berkumpul).
- <sup>43</sup> Norfarahani Rosman, *op.cit.*, hlm. 78–79.
- <sup>44</sup> Dr. Ali Shariati, 1986, *op.cit.*, hlm. 88–96.
- <sup>45</sup> Norfarahani Rosman, *op.cit.*, hlm. 69–78.
- <sup>46</sup> *Ibid.*, hlm. 84–89.
- <sup>47</sup> Pengkaji berpendapat bahawa kesimpulan Hamid Dabashi iaitu "...the end of Islamic Ideology" hanyalah sekadar percubaan untuk menjernihkan atau membersihkan semula imej Islam dalam minda orang Barat, khususnya rakyat Amerika. Di negara-negara Islam seperti Malaysia, konsep Islam sebagai ideologi sudah pun mengisi tempat dalam ruang awam. Lihat Hamid Dabashi, *Islamic Liberation of Theology: Resisting the Empire*, New York: Routledge, 2008, hlm. 61.
- <sup>48</sup> Peter C. Phan, 'Method in Liberation Theologies', *Theological Studies*, 61(1), 2000, hlm. 40–63.
- <sup>49</sup> Hermeneutik bermula daripada sebuah metodologi interpretasi yang awalnya digunakan oleh Schleiermacher semasa mentafsirkan Plato dan Perjanjian Baru dengan penelitian terhadap penggunaan tatabahasa dalam sesebuah teks. Heidegger menggunakan kaedah hermeneutik untuk mentafsir maksud kewujudan manusia. Sila lihat Nicholas Bunnin, Jiyuan Yu, *The Blackwell Dictionary of Western Philosophy*, Oxford: Blackwell Publishing, hlm. 303.
- <sup>50</sup> Ali Syariati, 'Sembahyang di Miqat', dalam *Haji*, Kuala Lumpur: Ikraq, 1989, hlm. 17.
- <sup>51</sup> Dalam pandangan pengkaji, gagasan Islamologi yang cuba dibawakan oleh Ali Syariati tidak seharusnya terlalu ditekankan dalam lensa dan kaedah penilaian faham daripada Barat kerana beliau melihat Islam membawa nilai-nilai syumul dan sejagat termasuklah apa yang selalu diperhatikan sebagai nilai sosialisme seperti aspek keadilan sosial dan membangunkan kapitalisme.
- <sup>52</sup> Ali Shariati, 1979, *op.cit.*, hlm. 123.
- <sup>53</sup> Ali Shariati, 'The Philosophy of Supplication', *Shariati.com*, <http://shariati.com/english/pray/pray1.html>
- <sup>54</sup> Ali Shariati, 1979, *op.cit.*, hlm. 119–120.

<sup>55</sup> Ali Shariati, Wan Abdul Manan Wan Muda (penterjemah), *Fatimah: Kisah Perjuangan Rasulullah*, Kuala Lumpur: Ikraq, 1993, hlm. 11.

<sup>56</sup> Norfarahani Rosman, *op.cit*, hlm. 106.

## RUJUKAN

### Sumber Arkib

DR. 30.10.2018. Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Malaysia. Penggal Pertama Mesyuarat Kedua. Bil. 30. 30 Oktober 2018.

### Buku

- Ali Rahnema. 2000. *Ali Syari'ati: Biografi Politik Intelektual Revolucioner*. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Ali Shariati. Hamid Algar (penterjemah). 1979. *On the Sociology of Islam: Lectures by Ali Shari'ati*. Berkeley: Mizan Press.
- Ali Shariati. Wan Abdul Manan Wan Muda (penterjemah). 1993. *Fatimah: Kisah Perjuangan Rasulullah*. Kuala Lumpur: Ikraq.
- Ali Syariati. 1989. *Haji*. Kuala Lumpur: Ikraq.
- Ali Syariati. Syafiq Basri. Haidar Bagir (penterjemah). 1994. *Ideologi Kaum Intelektual: Suatu Wawasan Islam*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Azhar Ibrahim. 2016. *Utopia Masyarakat Lambak*. Bangi: Thukulcetak.
- Benz Ali (penyelenggara). 2016. *Ali Syariati untuk Pemula*. Petaling Jaya: Fajar Kiri Publication Sdn. Bhd.
- Bunnin, N. Yu, J. *The Blackwell Dictionary of Western Philosophy*. Oxford: Blackwell Publishing.
- Byrd, D.J. Seyed Javad Miri (editor). 2017. *Ali Shariati and the Future of Social Theory: Religion, Revolution and the Role of Intellectual*. Leiden: Brill.
- Dabashi, H. 2008. *Islamic Liberation of Theology: Resisting the Empire*. New York: Routledge.
- Dr. Ali Shari'ati. Farhang Rajee (penyelenggara). 1986. *What is to be Done: The Enlightened Thinkers and an Islamic Renaissance*. Texas: Institute for Research and Islamic Studies.
- Dr. Ali Shariati. Rahman Astuti (penterjemah). 1986. *Membangun Masa Depan Islam*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Ekky Malaky. 2004. *Ali Syari'ati: Filosof Etika dan Arsitek Iran Modern*. Jakarta Selatan: Penerbit Teraju.
- Freire, P. Ramos, M.B (penterjemah). 2005. *Pedagogy of the Oppressed*. New York: Continuum International Publishing Group.
- Hamid Algar. 1973. *Mirza Malkum Khan: A Biographical Study in Iranian Modernism*. California: University of California.
- Israel, J. L. 2001. *Radical Enlightenment: Philosophy and the Making of Modernity (1650–1750)*. New York: Oxford University Press.
- Jalal Al-I Ahmad. 1984. *Occidentosis: A Plague from the West*. Berkeley: Mizan Press.
- Raja Ahmad Aminullah. 2011. *Minda Tertawan: Intelektual, Rausyanfikir dan Kuasa*. Petaling Jaya: Gerakbudaya.

- Said, E. 1996. *Peace and Discontents*. New York: Vintage.  
Usman Awang. Pramoedya Ananta Toer. Ahmat Adam. Rustam A. Sani. Syed Husin Ali. 2016. *Peranan Intelektual*. Petaling Jaya: SIRD.

### Tesis

- Nor Ashiken binti Ismail. 2009. Dr. Ali Shari'a'ti: Arkitek Revolusi Iran 1979. *Latihan Ilmiah*. Universiti Malaysia Sabah.  
Norfarahani binti Rosman. 2017. Konsep Rausyanfikir dan Kesannya ke arah Revolusi Iran. *Latihan Ilmiah*. Universiti Malaysia Sabah.  
Saifullah. 2002. Rausyanfikir: Analisis terhadap Pemikiran Ali Syari'ati tentang Peranan Intelektual Muslim. *Disertasi Sarjana*. Universiti Malaya.

### Jurnal

- Abrahamian, E. 1982. Ali Shari'ati: Ideologue of the Iranian Revolution. *MERIP Reports*. 102, 24–28.  
Asyraf Hj. Abd Rahman, Nooraihan Ali & Wan Ibrahim Wan Ahmad. 2011. Twentieth Century Muslim's Thought and Their Influence on Sayyid Qutb's Writings. *'Ulum Islamiyyah Journal*, 7, 81–94.  
Azad, A. 2017. The Fadail-i Balkh and its Place in Islamic Historiography. *Journal of the British Institute of Persian Studies*, 79–102.  
Chad Kia. 'The Scum of Tabriz: Ahmad Kasravi and the Impulse to Reform Islam'. *British Journal of Middle Eastern Studies*. 41(4), 498–51.  
Farhang, M. 1979. Reflections of a concerned Muslim: On the plight of oppressed people. *Race & Class*, 21(1), 33–40.  
King, Margaret L. 1978. The Social Role of Intellectuals: Antonio Gramsci and the Italian Renaissance. *Soundings: An Interdisciplinary Journal*, 61(1), 23–46.  
Kurzman, C. & Owens, L. 2002. The Sociology of Intellectuals. *Annual Review of Sociology*, 28, 63–90.  
McMurdo, T. L. 2012. The Economics of Overthrow: The United States. and the Hidden Justification of Operation TPAJAX'. *Studies in Intelligence*, 56(2), 15–26.  
Mehdi Abedi & Mehbi Abedi. 1986. Ali Shariati: The Achitect of the 1979 Islamic Revolution of Iran. *Iranian Studies*. 19(3/4), 229–234.  
Phan, P.C. 2000. Method in Liberation Theologies'. *Theological Studies*, 61(1), 40–63.

### Sumber Internet

- Ali Shariati. The Philosophy of Supplication. *Shariati.com*. <http://shariati.com/english/pray/pray1.html>  
Blog Peribadi Wan Ahmad Fayhsal, *Rausyanfikir.com*. <http://www.rausyanfikir.com/>.

